



Gambar-gambar kenangan dalam perayaan pertabalán  
**Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong**

Suatu pemandangan yang permai dalam majlis Jamuan Diraja, yang telah diadakan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong di Istana Negara Kuala Lumpur dalam perayaan pertabalán yang bersejarah itu.

Majlis Jamuan Diraja itu dihadiri oleh tetamu khas dari Duli Yang Maha Mulia Raja-raja Negeri-negeri Melayu, Sultan Brunei, Gabenor-gabenor Melaka dan Pulau Pinang dan Yang di-Pertuan Negara Singapura bersama-sama isteri masing-masing.

Diantara lain tetamu yang turut hadir ialah Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tengku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri Singapura, Tuan Lee Kuan Yew, Menteri-menteri dan orang besar-orang besar yang terkemuka bersama-sama isteri masing-masing.

Gambar kiri atas: Suatu pemandangan dalam jamuan teh yang telah diadakan di taman Istana Negara pada 4 Januari 1961 yang lalu – kerana merayakan hari pertabalán Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Gambar menunjukkan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong, Lady Tory, Sir Geofroy Tory, Pesuruhjaya Tinggi United Kingdom, Tuan Lee Kuan Yew, Perdana Menteri Singapura, Puan Lee, Dr Mohamad Razif, Duta Republik Indonesia, dan Tengku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu.

Gambar kiri bawah: Perdana Menteri, Tengku Abdul Rahman Putra, Timbalan Perdanan Menteri, Tun Abdul Razak, dan Toh Puan Rahah, sedang menyaksikan pertunjukan “Malam Gembira”.

